

**Mahathir tidak benarkan hudud semasa pemerintahannya**  
**Free Malaysia Today**  
**Jun 10, 2016**

**Beliau akui para penyokong hudud pernah mendesak pelaksanaan undang-undang itu**

KUALA LUMPUR: Berkongsi pengalamannya ketika mentadbir negara, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akui para penyokong hudud pernah mendesak pelaksanaan undang-undang itu namun kemaraan mereka berjaya dibendung.

Kini, setelah beliau mengundurkan diri, mereka sekali lagi mendesak pelaksanaan hudud, kata Mahathir dalam satu wawancara dengan majalah TIME.

Diminta mengulas usul pindaan akta mahkamah syariah yang dibawa Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang dan dipercepatkan pembentangnya oleh UMNO, Mahathir berkata undang-undang yang PAS mahu luluskan itu bertentangan dengan ajaran Islam.

“Keadilan perkara yang tersangat penting. Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, kita tidak boleh ada dua jenis undang-undang – satu untuk orang Islam, satu untuk orang bukan Islam.

“Sekiranya seorang pencuri beragama Islam dan seorang lagi pencuri beragama lain ditangkap mencuri, tangan seorang dipotong, seorang lagi dipenjara dua bulan. Adakah itu keadilan? Jelas sekali bukan. Jika tidak adil, maka itu bukanlah Islam.

“Mereka dan undang-undang mereka temui jalan buntu ketika saya mentadbir. Saya tidak pernah kata Islam ini ketinggalan zaman atau seperti itu.

“Saya hanya berkata bahawa Islam sangat tekankan keadilan, dan apa yang kamu lakukan ini mencipta ketidakadilan, maka perbuatan kamu salah.

“Setelah saya berundur, sekali lagi mereka desak hudud. Hudud ciptaan manusia; ia berbaaur politik, bertujuan untuk tunjukkan yang kamu sangat Islam. Hari ini, orang Islam dalam huru-hara, dan huru-hara ini bukan angkara Islam. Huru-hara ini akibat mereka menolak Islam.”

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/10/mahathir-tidak-benarkan-hudud-semasa-pemerintahannya/>